

23 AUG 2000

Mahathir-London

DR MAHATHIR TIBA DI LONDON UNTUK MESYUARAT SURUHANJAYA SELATAN

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba malam tadi untuk menghadiri satu mesyuarat bersama-sama ketua-ketua kerajaan Afrika Selatan, Algeria, Jamaica dan Nigeria ke arah mengukuhkan kerjasam Selatan-Selatan.

Perdana Menteri bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di lapangan terbang Luton selepas penerbangan 12 jam dari Maputo, Mozambique. Di negara Afrika itu, Dr Mahathir telah menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 2000).

Ketibaan beliau dan Dr Siti Hasmah disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom & Eire Datuk Mohamed Amir Jaafar dan isteri Datin Zaleha Arshad.

Mesyuarat di sini yang akan berlangsung selama satu setengah hari mulai hari ini, adalah hasil sidang kemuncak Selatan di Havana pada April lepas yang telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengelola Selatan untuk menyelaraskan Projek Bertindak Havana dan meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan.

Nigeria selaku Pengerusi Sidang Kemuncak Selatan serta Algeria, Malaysia dan Jamaica telah diberi tanggungjawab untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengelola Selatan.

Mesyuarat itu, yang akan berlangsung di Abuja House, Suruhanjaya Tinggi Nigeria di sini, bertujuan mencari kata sepakat tentang bentuk Suruhanjaya Pengelola itu.

Hasil mesyuarat ini akan dibawa untuk pertimbangan negara-negara anggota South Centre dan anggota-anggota Kumpulan 77.

Laporan itu dijangka diedarkan semasa Millenium Summit di New York bulan depan.

Selain Dr Mahathir, pemimpin-pemimpin yang dijangka hadir pada mesyuarat di sini ialah Presiden Abdulaziz Bouteflika dari Algeria, Perdana Menteri Jamaica P.J. Patterson, Presiden Olusegun Obasanjo dari Nigeria dan Presiden Thabo Mbeki dari Afrika Selatan.

-- BERNAMA

ZO AZZ MAI